

Headline	Aaron Aziz hampir pengsan		
MediaTitle	Sinar Harian		
Date	12 Jun 2013	Color	Full Color
Section	Bintang	Circulation	60,000
Page No	58	Readership	180,000
Language	Malay	ArticleSize	539 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 2,965
Frequency	Daily	PR Value	RM 8,894



58

Zass
 Taburan Tempu Tinggi

Berita Bintang

NOR RAIDAH AWANG
 FOTO: SAFWAN MANSOR

RABU 12 JUN 2013 | SINAR HARIAN

Aaron Aziz hampir pengsan!

SIAPA yang tidak kenal dengan aktor popular, Aaron Aziz, yang semakin rancak mencipta nama dalam industri perfileman tempatan?

Walaupun kini sibuk dengan jadual seninya, namun aktor kakak ini masih sempat meluangkan masa untuk program amal, 'LariAmalAaronERA' bagi membantu Majlis AIDS Malaysia dalam mengumpul dana.

Acara yang turut mendapat sokongan radio Era, itu juga turut direalisasikan sempena mempromosikan filem terbaru Aaron iaitu, Lari, arahan Ahmad Idham, yang kini rancak ditayang di pawagam.

Bertempat di Stadium Nasional, Kompleks Sukan Bukit Jalil, Aaron, yang juga selaku duta selebriti sokongan Riben Merah Majlis AIDS Malaysia, memulakan larian amal itu seawal jam 7.30 pagi.

Berjaya menyempurnakan lima pusingan larian di stadium itu, aktor kesayangan ramai ini bagaimanapun hampir pengsan.

"Saya akui memang tidak berminat dengan sukan larian. Kali terakhir saya serta larian ketika di bangku sekolah. Namun ia membuatkan saya rasa sangat letih dan sejak itu saya tidak minat untuk mengikuti sukan larian lagi.

"Tapi kali ini saya menyahut cabaran untuk berlari sebanyak lima pusing di Kompleks Sukan Bukit Jalil. Walaupun



Bersama Ahmad Idham dan Johan.

pada pusingan kedua saya rasa nak pengsan, namun saya kuatkan semangat," kata pelakon Ombak Rindu ini.

Sumbangan minimum RM1

Turut dipancarkan secara langsung di radio Era, dana yang diperolehi dari larian amal itu akan disumbangkan menerusi tabung Circle Of Friends, Yayasan AIDS Malaysia.

"Bagi saya setiap wang disumbang merupakan langkah yang baik secara tidak langsung dapat menyelamatkan

nyawa serta ubah nasib mereka.

"Hari ini kita dapat lihat wanita, remaja serta kanak-kanak terpinggir terpaksa melalui pengalaman hidup yang terlalu getir sebagai Orang Yang Hidup Dengan HIV/AIDS, sekurang-kurangnya sumbangan sebegini dapat membantu memberi kehidupan baru buat mereka," kata Aaron.

Sumbangan boleh dilakukan semininimum RM1. Sementara bagi yang beri sumbangan RM50 berhak mendapat rebet cukai pendapatan.

Dalam pada itu, Aaron memberitahu dia akan sentiasa bawa tabung sumbangan dana Yayasan AIDS Malaysia ke mana sahaja majlis melibatkannya.

"Saya akan membawa tabung sumbangan ini kesemua majlis bagi mengumpul dana sebanyak mungkin.

"Saya tidak mengenakan sebarang sasaran untuk mengumpul dana tersebut, bila tabung berkenaan penuh saya akan menyerahkan kepada yaysan berkenaan.

"Saya juga berharap dengan cara ini saya dapat membantu golongan seperti ini, agar dapat memberi kehidupan baru buat mereka," katanya.

Untuk sumbangan juga boleh melalui akaun Yayasan AIDS Malaysia menerusi akaun Maybank 5141-0542-1257.

